

Umno Selangor kesal gambar pemimpin negara diturun

PELABUHAN KELANG, Ahad — Badan Perhubungan Umno Selangor kesal dengan kejadian menurunkan gambar-gambar pemimpin negara.

Setiausahanya, Encik Onn Haji Ismail, mensifatkan tindakan itu seolah-olah membelakangkan suara dan kuasa rakyat yang memilih pemimpin negara.

Beliau menyatakan demikian waktu me-

rasmikan mesyuarat agung Umno cawangan Peiabuhan Kelang, di sini hari ini.

Menurutnya, meskipun kejadian itu tidak berlaku di Selangor tetapi ibarat kata orang tua-tua, "cubit paha kiri paha kanan terasa juga".

"Saya berharap perkara ini akan dapat diselesaikan segera kerana ia boleh dianggap sebagai cabaran kepada suara rakyat yang berkuasa hari ini.

"Saya juga berharap isu menurunkan gambar-gambar pemimpin negara tidak berlaku di lain-lain negeri, khasnya di Selangor," katanya.

Katanya, rakyat yakin kepada sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Perbuatan menurunkan gambar-gambar pemimpin yang dipilih sendiri oleh rakyat bukanlah tindakan yang bijak.

Menikam

Mengenai perjuangan Umno, beliau yang juga wakil rakyat Sementa berkata, perjuangan Umno masih panjang dan perlu diteruskan oleh generasi muda bagi menentukan nasib orang Melayu masa depan.

Beliau berharap generasi muda tidak akan leka dengan segala kemudahan dan kemewahan yang mereka nikmati sekarang, sebaliknya mestilah menjaganya dengan baik supaya tidak terlepas semula.

"Saya ingin mengingatkan orang Melayu, terutama ahli-ahli Umno di cawangan ini, supaya berterima kasih atau sekurang-kurangnya mengenang budi perjuangan Umno yang telah memperjuangkan kepentingan mereka.

"Janganlah setelah mendapat kemudahan yang diperlukan seperti rumah dan sebagainya, mereka melupakan budi dengan cara tidak langsung menikam Umno dari belakang," katanya.

Beliau memberi jaminan akan bertindak dan menyiasat kes 400 pekerja sebuah syarikat membuat jala di sini yang dikatakan diberi notis berhenti kerja.

"Perkara pembuangan kerja itu akan saya ambil perhatian berat dan tindakan tegas," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia